

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT

KAWASAN : HULU LANGAT

TARIKH : 18 MEI 2016 (RABU)

NO. SOALAN : 66

YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan usaha yang dijalankan **PROTON** dan **PERODUA** dalam mengeluarkan kereta pacuan empat roda (4WD) dan harapan Kerajaan dalam memasarkannya.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Keputusan pengkomersilan produk seperti kereta pacuan empat roda (4WD) bagi syarikat pengeluar kenderaan seperti **PROTON** dan **PERODUA** adalah tertakluk kepada pelbagai faktor termasuk unjuran pulangan kewangan yang dijangka dapat diraih, kos perbelanjaan serta penambahbaikan nilai jenama syarikat masing-masing.

Dalam menyediakan kaedah pengangkutan yang memenuhi kehendak dan ekspektasi pelanggan, **PROTON** dan **PERODUA** juga perlu mengambilkira kemahuan pelanggan yang kian meminati rekaan yang canggih dan terkini, serta '*trend*' global di mana OEM kian menyediakan pelbagai jenis kenderaan '*crossover vehicle*'. Contohnya, pasaran automotif 20 atau 30 tahun dahulu hanya mempunyai "Sports Utility Vehicle" atau "Pick-Up Truck" yang berada dalam segmen tradisional D

atau K, tetapi kini lebih banyak OEM menyediakan kepelbagaian model yang merentasi segmen mengikut saiz kenderaan.

Perlu ditekankan bahawa pihak Kerajaan tidak terlibat dalam proses membuat keputusan dalam menentukan model atau jenis kenderaan yang akan dikeluarkan oleh PROTON atau PERODUA. Keputusan sedemikian adalah merupakan tanggungjawab komersil kedua-dua syarikat tersebut sendiri.